



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/12/145 (HQ)

### TNB TERIMA WORLD BRANDING AWARDS 2021

- Pengiktirafan kali ke-5 atas pencapaian untuk kekal relevan kepada pelanggan

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** merangkul pengiktirafan Brand of the Year buat kali ke-5 dalam anugerah berprestij World Branding Awards edisi ke-14, anjuran World Branding Forum (WBF) yang berpangkalan di London baru-baru ini.

World Branding Awards ialah anugerah terunggul oleh WBF bagi mengiktiraf pencapaian jenama-jenama terbaik dunia atas pencapaian inovatif dan kreatif untuk kekal unik dan relevan kepada pelanggan mereka sepanjang tahun lalu.

TNB mula menerima pengiktirafan Brand of the Year bagi kategori Energy-Power pada tahun 2014 dan menerima anugerah yang sama berturut-turut pada 2018, 2019, 2020 dan terbaharu 2021.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, anugerah ini adalah manifestasi usaha berterusan 35,000 warga kerja TNB memberikan perkhidmatan terbaik kepada lebih 10.3 juta pelanggannya di sebalik cabaran pandemik COVID-19 yang masih berterusan.

“Kami sentiasa berusaha memberikan pengalaman pengguna (*customer experience*) yang bertaraf dunia dengan ketangkasan (*agility*) kami memperkenalkan perkhidmatan baru dan komitmen membuat pelaburan ke arah peralihan tenaga selaras dengan aspirasi TNB menjadi pemacu perbekalan solusi tenaga mampan di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

“Antara inisiatif utama yang sedang giat kami laksanakan sekarang adalah memperkukuhkan dan memodenkan sistem Grid Nasional menjadi grid pintar untuk perkhidmatan bekalan yang lebih berkualiti dan memasang meter pintar bagi memperkasa pengguna.

“Untuk meter pintar, pemasangannya kini telah pun memberi manfaat kepada 1.8 juta pengguna di Lembah Klang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Melaka. Projek pemasangan ini akan diperluaskan ke seluruh Semenanjung secara berperingkat.”

Lebih 345,000 pengguna di seluruh dunia menyertai proses pencalonan World Branding Awards tahun ini. Daripada lebih 5,300 jenama dari lebih 60 negara yang dicalonkan, hanya 500 jenama diisytiharkan sebagai pemenang.

Secara purata hanya 7 jenama pemenang diumumkan untuk setiap negara. Pemenang ditentukan berdasarkan penilaian jenama (30%), pengundian awam secara dalam talian (30%) dan penyelidikan pasaran pengguna (40%).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Disember 2021, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary 019-3369681 /  
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan 019-3160401  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



**Datuk Ir. Baharin Din – Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB**